

Persidangan Kebangsaan Agama dan Masyarakat kupas pelbagai isu

UB 14-11-2012 B4

DIANGURKAN buat julung kalinya, Persidangan Kebangsaan Agama dan Masyarakat anjuran bersama Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Persatuan Penyelidik Kaedah Campuran UMS (Umar) baru-baru ini membangkitkan pelbagai isu dan perbincangan khususnya berkaitan agama dan masyarakat.

Sebanyak 72 kertas kerja dibentangkan sempena dengan persidangan berkenaan dengan menampilkan empat tema.

Ia termasuklah tema berkaitan politik; bahasa, kesusastraan dan budaya; pemikiran dan undang-undang; serta hubungan sosial.

Kertas kerja yang dibentangkan merujuk kepada hasil kajian secara berkumpulan dan juga



HAFIZAH

individu.

Salah satu tajuk kajian yang dibentangkan ialah Potensi Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi dan Sosial Masyarakat Islam di Sabah.

Pembentangan yang diketuai oleh Pensyarah PPIB, Dg Hafizah Ag Basir itu mengetengahkan kajian tentang pembangunan harta wakaf di Sabah khusus dalam bidang



HALINA

ekonomi dan sosial.

Menurutnya, bagi mencapai objektif kajian, pihaknya menjalankan temuramah dengan pihak-pihak berkenaan selain penelitian terhadap bahan-bahan yang telah didokumentasi.

Jelasnya, ia bagi mengenalpasti bentuk aplikasi wakaf yang dirancang dan yang pernah dilaksanakan.



KAMARUL

“Hasil kajian mendapati Sabah mempunyai potensi besar dalam membangunkan ekonomi dan sosial masyarakatnya melalui perancangan projek pembangunan harta wakaf yang telah dilaksanakan dan bakal dilaksanakan.

“Namun, aplikasi wakaf di Sabah perlu dipelbagaikan dan dikembangkan dari

masa ke semasa agar ia bersifat kontemporari dan manfaatnya dapat membangunkan komuniti Islam secara komperhensif,” katanya.

Turut membentangkan kertas kerja ialah Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri Mat Teh dengan tajuk kajian Pengaruh Agama Islam terhadap Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Satu Sorotan Awal.

Beliau berkata, kajian bersifat analisis dokumen itu mengenal pasti agama Islam mempunyai pengaruh terhadap beberapa perkara berkaitan bahasa Arab sehingga menjadikan pembelajaran bahasa bersinambungan di Malaysia.

Tambahnya, agama Islam meletakkan asas pendidikan bahasa Arab di awal kedatangannya sama ada secara tidak langsung atau sebaliknya.

“Kajian ini berkecenderungan menstatuskan bahasa Arab dalam konteks pendidikan di Malaysia sebagai ‘bahasa agama’.

“Ini berdasarkan keunikan yang terdapat pada latar pembelajarannya yang terdiri dari beberapa elemen seperti kedudukannya sebagai bahasa sumber ajaran agama Islam, perintah agama untuk mempelajarinya, sejarah panjangnya di Malaysia, dan peranannya sebagai bahasa ibadah yang sering disyiarkan,” jelasnya.

Satu lagi tajuk kertas kerja yang dibentangkan ialah Pengaruh Sistem Kepercayaan dan Agama dalam Evolusi Adat dan Ritual Kematian.

Tajuk kajian itu dibentangkan oleh Pensyarah PPIB, Halina Sendera Mohd Yakin yang mana ia memfokuskan

kepada bentuk-bentuk perubahan yang berlaku, faktor yang menyumbang serta kesannya kepada masyarakat.

Halina berkata, beberapa perspektif teori yang berkaitan diaplisasikan dalam kajian ini termasuklah Teori Struktural Levi-Strauss, Teori Semiotik dan Pendekatan Komunikasi Tanpa Lisan.

“Penelitian yang bersifat kualitatif ini menggunakan data etnografi bersifat ‘thick description’ untuk deskripsi dan interpretasi semiotik dalam adat dan ritual kematian kaum Bajau di Kota Belud.

“Secara ringkasnya, simbol kematian menunjukkan pengaruh kosmologi Hindu dan Islam mewarnai dan mentransformasi kosmologi dan pandangan alam Bajau terdahulu,” katanya.